



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

Bagi Minggu 12/2011 (20 hingga 26 Mac 2011)

Sepanjang minggu ke-12 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 20 hingga 26 Mac 2011, sejumlah 301 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, menurun sebanyak 56 kes atau 16% berbanding 357 kes pada minggu sebelumnya. Walau bagaimana pun, terdapat tujuh buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu WP Kuala Lumpur/Putrajaya yang meningkat sebanyak 14 kes (78%), Sabah 3 kes (38%), Terengganu 3 kes (23%), Kedah 2 kes (50%), Kelantan 2 kes (25%), Labuan 1 kes (100%) dan N.Sembilan meningkat sebanyak 1 kes (8%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 26 Mac 2011 adalah 5,160, penurunan sebanyak 58% atau 6,997 kes berbanding dengan 12,157 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 81% atau 35 kematian, di mana terdapat 8 kematian bagi tahun 2011 berbanding 43 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sepanjang minggu lepas, terdapat 56 lokaliti wabak di 17 buah daerah dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 8 lokaliti *hot spots* dikenalpasti dengan melibatkan

sebanyak 89 kes Demam Denggi (Lampiran C) berbanding hanya 3 lokaliti *hot spots* pada minggu sebelumnya. Lima lokaliti *hot spots* baru yang dilaporkan pada minggu lepas berlaku di Selangor iaitu di Seksyen 18 (Teres A 18/16B) di daerah Petaling, Seksyen 4 Bandar Rinching di daerah Hulu Langat, Bandar Country Homes Fasa 13 dan Taman Hijau Rawang masing-masing di daerah Gombak, manakala di WP Kuala Lumpur, lokaliti *hot spots* baru adalah di PPR Laksamana (Jln Peel) di zon Pusat Bandar.

Masalah penyakit Demam Denggi adalah berkait rapat dengan soal kebersihan. Persekitaran yang kotor dengan bekas-bekas yang boleh menakung air akan menjadi tempat yang sesuai untuk pembiakan nyamuk Aedes. Ia hanya memerlukan tempoh selama dua minggu sahaja untuk membiak menjadi nyamuk dewasa dan boleh menyebarkan virus Denggi kepada sesiapa sahaja. Oleh itu langkah yang bijak adalah memastikan persekitaran tempat kediaman, sekolah serta tempat kerja sentiasa bersih dan bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes. Pada sepanjang minggu lepas, sebanyak 86% daripada bekas yang mempunyai pembiakan Aedes dijumpai di luar premis, yang terdiri daripada bekas plastik, baldi, pasu bunga dan tong. Oleh itu pencegahan melalui membersihkan kawasan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes seminggu sekali oleh masyarakat adalah sangat penting terutama di kawasan yang mengalami wabak Demam Denggi. “Tiada Aedes Tiada Denggi”.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat 1 kes dilaporkan untuk tempoh 20 hingga 26 Mac 2011, iaitu di Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 11 kes, penurunan sebanyak 98%

berbanding dengan 500 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

28 Mac 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2011
(20 hingga 26 Mac 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2010
		Minggu 12 (20 – 26 Mac 2011)	Minggu 11 (13 – 19 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	19	31
2	Kedah	6	4	133	119 (1)
3	P. Pinang	34	36	435 (1)	294 (2)
4	Perak	16	28	338	388
5	Selangor	103	127	1,785 (1)	5,655 (24)
6	WPKL & Putrajaya	32	18	367	1,330 (2)
7	N. Sembilan	14	13	162	568 (1)
8	Melaka	7	7	137	105 (2)
9	Johor	22	48	546 (4)	691 (2)
10	Pahang	16	25	310 (1)	327 (1)
11	Terengganu	16	13	253 (1)	257
12	Kelantan	10	8	199	256 (1)
13	Sarawak	13	22	315	1,583 (6)
14	Sabah	11	8	156	546 (1)
15	WP Labuan	1	0	5	7
	MALAYSIA	301	357	5,160 (8)	12,157 (43)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2011
(20 hingga 26 Mac 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 12/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 12/2010
		Minggu 12 (20 – 26 Mac 2011)	Minggu 11 (13 – 19 Mac 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	2
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	0	12
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	465
14	Sabah	1	0	7	6
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	1	0	11	500

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA
MINGGU 12 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBSA (PT)	Seksyen 27 (Flat B: Blok 35 & 36)	9	39
2	SELANGOR	MPAJ (HL)	Pandan Mewah (Zon B)	18	37
3	SELANGOR	MBSA (PT)	Seksyen 18 (Teres A 18/16B)	10	31
4	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	11	30
5	SELANGOR	MPS (GB)	Bandar Country Homes Fasa 13	10	30
6	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Hijau Rawang	5	30
7	WPKL	Kepong	RKAT Ampat Tin	18	59
8	WPKL	Pusat Bandar	PPR Laksamana (Jln Peel)	8	32

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 12
BAGI TAHUN 2011
(20 hingga 26 Mac 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	6.5	7
2	SELANGOR	MPS (GB)	Bandar Country Homes Fasa 13	2.0	2
3	WP KL	Pusat Bandar	PPR Laksamana (Jln Peel)	3.9	4